

KONVOKESYEN ASIA E UNIVERSITY KE-5

# Graduan AeU bertambah saban tahun

» Konsep pendidikan jarak jauh teradun tarik minat pelajar dari 33 negara anggota ACD

Oleh Siti Nurazlinee Azmi  
sitinurazlinee@bh.com.my

Hampir 3,000 graduan pelbagai program diraikan pada majlis Istiadat Konvokesyen Asia e University (AeU) Ke-5 yang berlangsung di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini, hari ini. Peningkatan jumlah graduan pada setiap istiadat adalah tamsilan kepada komitmen AeU untuk melestarikan pendidikan jarak jauh bukan hanya ke seluruh pelosok 33 negara anggota Asia Cooperation Dialogue (ACD), malah juga melangkaui sempadan.

Istiadat yang berlangsung dari jam 7.30 pagi itu menyaksikan pertambahan penerima Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dan Doktor dalam Pengurusan Perniagaan (DBA). Seramai 14 graduan menerima PhD dan empat graduan dianugerahkan Ijazah DBA pada tahun ini. Selain ijazah kedoktoran, majlis turut menyaksikan 374 graduan menerima Ijazah Sarjana, 548 graduan menerima Ijazah Sarjana Muda dan 846 graduan dianugerahkan Sarjana Eksekutif di sepanjang tiga sesi konvokesyen.

Turut disampaikan pada istiadat tersebut adalah Anugerah Pengerusi kepada Liew Chee Foh, 54, pelajar program Sarjana Pendidikan dengan pengkhususan Pentaksiran dalam Pendidikan dan Anugerah Presiden kepada Hasmah Jamin, 50, pelajar program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pengajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah) dengan Kepujian.

Yang turut hadir menyempurnakan majlis penyampaian ijazah pada majlis tersebut adalah Pengerusi Lembaga Pengarah AeU, Profesor Emeritus Tan Sri Syed Jalaludin Syed Salim.

## Lebih 300 graduan dari ahli negara ACD

Selain meraikan graduan dari dalam negara, AeU turut menganugerahkan lebih 392 ijazah kepada graduan program PhD dan Sarjana dari Somalia, Kenya, Zimbabwe, Vietnam, Indonesia, Sri Lanka, Maldives, Bahrain, Hong Kong, India dan Pakistan. Penghargaan ini secara langsung membuktikan komitmen dan ha-



Hampir 3,000 graduan pelbagai program diraikan pada **Konvokesyen AeU Ke-5** di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra.

la tuju AeU yang jelas dalam menjadi peneraju e-pendidikan yang disegani dan berkualiti.

Majoriti penerima ijazah dari negara luar adalah untuk program Sarjana Pengurusan Perniagaan (MBA) yang menjadi antara program paling mendapat sambutan selain Ijazah Kedoktoran dan Sarjana Pendidikan.

Jumlah graduan dari negara ACD dijangka meningkat setiap tahun berikutan perluasan kerjasama serantau antara AeU dan rakan akademik dari negara Asia serta disokong penerimaan terhadap konsep pembelajaran jarak jauh secara dalam talian yang semakin positif di seluruh dunia.

Ia turut mendapat disokong penuh graduan dari Indonesia, Muhammad Nusran yang menyifatkan kaedah pembelajaran digunakan AeU memudahkan pelajar dewasa sepertinya untuk belajar kerana sentiasa berdepan dengan kekangan masa dan jarak.

"Saya berjaya menamatkan pengajian peringkat PhD dengan bantuan penyelia yang berpengalaman serta teknologi komunikasi seperti skype yang memungkinkan komunikasi jarak jauh yang mudah dan murah," katanya yang melengkapkan kajian ilmiah berkenaan Pensijilan Halal melalui Sistem Dinamik.

Yang turut hadir menerima Ijazah Sarjana adalah Menteri di Kedutaan Republik Zimbabwe di Malaysia, Mafio Matthew Melambo. Mafio yang memulakan pengajian beliau di AeU pada 2012 secara rasmi menerima Ijazah Sarjana Pengurusan Perniagaan (MBA) bersama 138 graduan daripada program yang sama hari

ini. Konsep pembelajaran teradun yang diaplikasikan AeU antara faktor yang menarik minat Mafio untuk memilih AeU berbanding institut pengajian tinggi lain.

"MBA antara program paling banyak ditawarkan universiti di serata dunia, namun apa yang membezakan AeU dengan yang lain adalah kaedah pembelajaran teradun yang diaplikasikan mereka. Ia praktikal, mudah dan fleksibel," katanya.

## Kumpulan kedua pelajar PPG terima ijazah

Istiadat pada kali ini juga menyaksikan 521 pelajar Program Pensiswazahan Guru (PPG) ambilan pertama dan kedua menerima Ijazah Sarjana Muda masing-masing setelah menamatkan 11 semester pembelajaran.

Kumpulan graduan ini antara lebih 3,200 guru dari seluruh negara yang memilih AeU sebagai pusat pembelajaran dalam melengkapkan proses menaik taraf tahap pendidikan guru daripada

“  
Apa yang membezakan AeU dengan yang lain adalah kaedah pembelajaran teradun yang diaplikasikan. Ia praktikal, mudah dan fleksibel”

**Mafio Matthew Melambo,**  
Menteri di Kedutaan Republik Zimbabwe di Malaysia

diploma kepada Ijazah Sarjana Muda Pendidikan di bawah naungan Program Pensiswazahan Guru (PPG).

Demi merealisasikan visi dan misi kerajaan untuk meningkatkan mutu pendidikan di sekolah, AeU memberi sepenuh komitmen dengan menyediakan lokasi dan kemudahan akses bahan pembelajaran kepada guru-guru yang terlibat termasuk di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak.

Baki guru daripada kumpulan ketiga dan keempat dijangka menamatkan pengajian dan menerima ijazah pada 2016 dan 2017.

## Lapan tahun dan terus melangkah

Sejak memulakan operasi pada 16 April 2007, AeU terus mengatur langkah dalam mempromosikan pendidikan jarak jauh secara dalam talian serta konsep pembelajaran teradun.

Meskipun bukan baharu di negara maju, ia masih belum diterima sepenuhnya di kebanyakan negara Asia. Selaku ahli ACD yang diamanahkan untuk memartabatkan aspek pendidikan di rantau ini, AeU telah mendepani cabaran dan kini mampu berdiri teguh dan berbangga dengan penerimaan yang semakin baik terutamanya di Malaysia.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif AeU, Prof Datuk Dr Ansary Ahmed mempunyai keyakinan penuh bahawa kaedah pembelajaran telah berevolusi dan kaedah pembelajaran dalam talian bakal mendominasi trend pendidikan di Asia sedikit waktu lagi.

"Berkat komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan warga AeU serta sokongan padu pihak kementerian dan kerajaan khususnya, pembelajaran secara e-pendidikan bukan sesuatu yang asing kini. Daripada hanya 179 graduan pada konvokesyen yang pertama kini kita boleh berbangga dengan peningkatan graduan yang amat menggalakkan. Pertambahan graduan dari negara ahli ACD juga merupakan petanda baik buat AeU dan Malaysia kerana ia menyerlahkan kesungguhan kita dalam melaksanakan misi yang diamanahkan oleh negara ahli ACD kepada Malaysia," katanya.

## Universiti multinasional garapan Malaysia

AeU merupakan sebuah universiti bertaraf multinasional yang ditubuhkan hasil persetujuan daripada persidangan meja bulat, Dialog Kerjasama Asia (ACD) yang dianggotai 33 negara ahli termasuk Malaysia. Semua program akademik yang ditawarkan mematuhi piawai antarabangsa, diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan memperoleh akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Selaku antara pemain utama yang menawarkan pendidikan terbuka jarak jauh (ODL) di Malaysia, AeU sehingga hari ini merekodkan lebih 20,000 pelajar berdaftar di 64 negara dari seluruh dunia. Daripada jumlah itu, 9,000 pelajar berjaya bergelar graduan dan hampir 1,000 pelajar dari 46 negara turut menjadikan AeU pilihan untuk menyambung pengajian peringkat Doktor Falsafah.

Ditubuhkan pada 2007, AeU terus mengorak langkah dengan yakin sehingga menjadi antara peneraju dan organisasi paling aktif yang mempromosikan ODL di Asia. Fokus AeU selaku institusi yang menyokong penuh kaedah ODL adalah jelas iaitu menyediakan platform pendidikan tinggi yang berkualiti, mudah diakses dan mampu disertai oleh semua golongan masyarakat di Asia.

AeU telah melebarkan sayapnya ke negara ahli ACD seperti China, India, Pakistan, Sri Lanka, Cambodia, Vietnam, Myanmar, Indonesia, Singapore, Thailand, Saudi Arabia, UAE, Bahrain, Bangladesh, Maldives serta ke negara-negara bukan ahli seperti Denmark, New Zealand, Hong Kong, Namibia, Kenya, Nigeria, Somalia, Yemen, Mauritius dan United Kingdom.

Selain kampus utama yang terletak di Kuala Lumpur, AeU terus memperluaskan jaringannya dengan pembukaan pusat-pusat pembelajaran di seluruh negara meliputi lokasi strategik di bandar-bandar utama serta di kawasan luar bandar di Semenanjung dan di Sabah dan Sarawak.